

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
RABU, 21 SAFAR 1448H BERSAMAAN 05 OGOS 2026M**

PJL02/02/2026

1

No. Soalan: PL303

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pengambilan ubat bagi pesakit yang menjalani rawatan susulan, adakah pesakit diwajibkan mengambil ubat hanya di Pusat Kesihatan mengikut Kawasan tadahan masing-masing atau dibolehkan mengambil dimana-mana Pusat Kesihatan atau Hospital yang lebih mudah di akses?

JAWAPAN:

Pesakit tidak dimestikan mengambil ubat hanya di Pusat Kesihatan mengikut kawasan tadahan masing-masing.

Secara amnya, pesakit boleh memilih untuk mengambil ubat mereka, termasuk ubat-ubatan susulan bulanan, di mana-mana hospital atau pusat kesihatan kerajaan yang lebih mudah dan sesuai bagi mereka.

Bagi meningkatkan lagi kemudahan kepada pesakit, Kementerian Kesihatan turut menyediakan beberapa perkhidmatan farmasi nilai tambah, antaranya:

- Perkhidmatan *Easy Collect*;
- Perkhidmatan *Autorefill*; dan
- Perkhidmatan penghantaran ubat melalui syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan dengan kadar bayaran yang berpatutan.

Perkhidmatan-perkhidmatan ini diperkenalkan bagi memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat secara lebih fleksibel, mengurangkan keperluan menunggu di kaunter farmasi serta meningkatkan kesinambungan rawatan.

Bagi sesetengah ubat khusus yang dipreskripsikan oleh klinik pakar, stok lazimnya disimpan di hospital tertentu kerana melibatkan penggunaan yang terhad. Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit ingin mengambil ubat tersebut di pusat kesihatan pilihan mereka, pihak farmasi akan menyelaras penyediaan stok di fasiliti berkenaan.

Kementerian Kesihatan juga mengadakan sesi perbincangan/ taklimat bersama para Pegawai Perubatan mengenai *Good Prescribing Practice* dalam sistem BruHIMS dengan objektif untuk memperbaiki proses mempreskrib ubat-ubatan pesakit untuk mengurangkan kekeliruan dalam preskripsi pesakit.

Sebagai kontingensi, Ahli Kimia Ubat atau Tukang Ubat dari bahagian perkhidmatan farmasi lain, seperti Farmasi Pesakit Dalam Wad atau Divisyen Regulatori Farmasi akan diperbantukan ke farmasi yang memerlukan bantuan bagi menambah baik masa menunggu mengambil ubat, jika diperlukan.

Matlamat Kementerian Kesihatan adalah untuk memastikan setiap pesakit mendapat akses kepada ubat-ubatan yang diperlukan dengan mudah, selamat dan berterusan melalui penyampaian perkhidmatan farmasi yang lebih fleksibel, tanpa menjejaskan kualiti penjagaan serta keselamatan penggunaan ubat.

Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan farmasi yang lebih fleksibel, mudah diakses dan berpusatkan pesakit, bagi memastikan setiap pesakit mendapat bekalan ubat yang diperlukan secara selamat, berterusan dan berkualiti.

No. Soalan: PL209

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bilakah Kementerian merangka *National Cold-Chain Strategy* menyeluruh, termasuk agensi peneraju, model pembiayaan dan garis masa pelaksanaan berfasa sehingga 2030 selaras Wawasan Brunei 2035? Memandangkan kerugian pasca-tuai hasil pertanian masih berlaku dan kemudahan *cold-chain* kekal *ad hoc*.

JAWAPAN:

Bagi memastikan pertumbuhan sektor makanan yang berterusan serta memperkukuh sekuriti makanan negara, Kementerian sedang melaksanakan strategi yang komprehensif bagi menjamin mutu pengeluaran makanan di negara ini. Ia merangkumi keseluruhan rantai nilai ekosistem sektor makanan daripada bekalan bahan input hingga ke peringkat pengguna. Kementerian menyedari bahawa pengurusan pasca tuai merupakan faktor kritikal bagi meminimumkan kerugian hasil, memelihara kualiti barangan makanan, serta menjamin ketahanan rantai bekalan tempatan.

Di samping itu juga, perkembangan industri makanan banyak bergantung kepada kebolehan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana untuk bukan sahaja di pasaran tempatan malah menembusi pasaran antarabangsa. Bagi eksport dapat dilaksanakan, ianya memerlukan *cold-chain* kebangsaan yang kukuh dan kompetitif.

Di bawah *Maritime Trade, Logistics and Services Roadmap* dan *Food Industry Roadmap* telahpun mengenal pasti komponen *cold-chain* dan *post harvest* adalah sangat kritikal.

Setelah dibuat kajian, pihak Kementerian telahpun mengenalpasti jurang yang ada menyebabkan kepincangan dalam *national cold-chain* untuk membantu pihak swasta dalam mengembangkan industri makanan di negara ini.

Antara inisiatif untuk mengukuhkan dan mengurangkan jurang *national cold-chain* adalah seperti:

Pertama, menggalakkan pelabur langsung asing (FDI) dalam sektor makanan yang dapat menyediakan keseluruhan nilai rantaian (*whole value chain*) termasuk *cold chain*. Setakat ini beberapa syarikat pelaburan langsung asing (FDI) yang menyediakan perkhidmatan *cold chain* telah beroperasi termasuk:

- APACCOLD International Supply Chain Sdn Bhd kini beroperasi dari sebuah fasiliti sewaan swasta di Salambigar dan menyediakan perkhidmatan penyimpanan sejuk serta pengendalian kepada PMKS tempatan.
- Kemudahan penyimpanan sejuk Muara International Fish Landing (MIFL) di Serasa pula kini dikendalikan sendiri oleh MIFL, manakala perkhidmatan berkaitan sedang dalam proses tender.

Keperluan cold chain berkenaan juga diberikan perhatian melalui cadangan projek Brunei–Singapore Agri-Tech Food Zone dalam usaha membangun kluster agri-makanan bernilai tinggi dan sebuah hab eksport makanan secara komersial. Ketika ini, satu kajian kebolehlaksanaan bagi inisiatif di atas sedang dilaksanakan, dengan meneliti keperluan pemprosesan, pembungkusan, logistik *cold chain*, pelepasan kastam, perkhidmatan bersama dan saluran pengedaran yang cekap. *Cold chain strategy* ini akan menjadi elemen kritikal dalam pembangunan *Agri-Tech Food Zone* di masa hadapan.

Inisiatif Kedua, meningkatkan infrastruktur *cold-chain* di tempat-tempat kritikal seperti lapangan terbang / pelabuhan dan juga dengan melibatkan pelaburan GLC / sektor swasta sebagai contoh Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC), Muara Port Company (MPC), Muara International Fish Landing (MIFL) dan Insya Allah, Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Hasil Pertanian di KKP Mulaut, termasuk menyediakan fasiliti *cold-chain* sehingga penghantaran (*delivery*) ke pasaraya, kedai runcit dan pasar.

Dengan adanya fasiliti di kawasan strategik akan membolehkan rangkaian sejuk (*cold chain*) untuk tidak terputus dari peringkat pengeluaran, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan dan pengeksportan makanan dengan lebih selamat.

Ketiga, selain itu, di bawah Majlis Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD) dan diterajui oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA), draf Standard Rantaian Sejuk kini berada di fasa akhir dan dijangka dibukakan untuk konsultasi awam (*public comment*) pada September 2026. Berpanduan Kod Amalan Kebersihan bagi Pengangkutan Makanan dalam Pukul dan Makanan Separa Berbungkus (CXC 47-2001), standard ini menggariskan kawalan suhu serta amalan terbaik merangkumi pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, hingga pengedaran komoditi makanan secara berskala pukul mahupun separa pukul.

Sebagai kesimpulan, pihak Kementerian dengan kerjasama pelabur-pelabur luar negeri dan tempatan telah berusaha dalam mengukuhkan lagi *national cold-chain* demi untuk mendukung perkembangan sektor makanan. Satu teknologi penyejukan dari Republik Rakyat China telahpun diperkenalkan untuk dibawa ke Negara ini bagi memanjangkan *shelf-life* produk-produk segar, termasuk ayam segar. Dengan adanya teknologi ini, akan membolehkan produk-produk segar dieksport melalui laut dan seterusnya mengurangkan kos logistik di Negara ini serta memberikan daya saing kepada produk-produk hasil Negara ini berbanding produk-produk negara lain.

No. Soalan: PL307

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD.
SALLEH BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan dalam usaha mempercepatkan kepelbagaian ekonomi negara, apakah sektor baharu yang dikenal pasti sebagai pemacu pertumbuhan dalam tempoh 5-10 tahun akan datang, serta apakah strategi dan insentif bagi memastikan sektor ini menjana pelaburan dan sumbangan signifikan kepada KDNK?

JAWAPAN:

Dalam usaha mempercepatkan kepelbagaian ekonomi negara, Kerajaan akan terus menilai dan meneroka peluang-peluang baharu berdasarkan perkembangan ekonomi global, kemajuan teknologi, perubahan permintaan pasaran serta kelebihan daya saing negara.

Pendekatan ini bertujuan untuk memperluaskan asas ekonomi negara, meningkatkan daya tahan (*resilience*) dan keterangkuman (*inclusiveness*) ekonomi, menarik pelaburan berkualiti, menjana peluang pekerjaan bernilai tinggi, serta memperkukuh pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kerajaan akan terus memfokuskan kepada 5 sektor keutamaan iaitu:

1. Sektor hiliran minyak dan gas melalui pembangunan produk petrokimia dan derivatif bernilai tinggi.
2. Sektor makanan dengan memperkukuh keterjaminan makanan negara, meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan memperluaskan potensi eksport produk agrikultur.
3. Sektor pelancongan melalui usaha menarik lebih ramai pelancong ke Negara Brunei Darussalam dengan memanfaatkan keunikan warisan budaya, alam semula jadi dan biodiversiti negara.
4. Sektor teknologi maklumat dan komunikasi bagi mempercepatkan transformasi digital melalui pembangunan Kecerdasan Buatan (AI) dan Pusat Data; penyelesaian digital dan pembangunan perisian; serta pengukuhan industri media kreatif.
5. Sektor perkhidmatan khususnya aktiviti pengangkutan dan logistik dengan memperkukuh kedudukan negara sebagai hab pengangkutan, logistik kargo dan transshipment bagi rantau BIMP-EAGA.

Disamping itu, pihak Kerajaan juga mengenal pasti sektor yang berpotensi untuk diterokai dan diperkembangkan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan seperti sektor Pembuatan, termasuk *Advanced Manufacturing* seperti pembuatan hiliran aluminium dan pembuatan lanjut berasaskan petrokimia.

Antara strategi yang sedang dan akan dilaksanakan dalam memastikan sektor ini dapat menjana kepada pertumbuhan ekonomi adalah seperti:

1. Menarik pelaburan langsung asing (FDI) bernilai tambah tinggi yang berupaya memacu pemindahan teknologi, inovasi dan penjanaan pekerjaan berkemahiran tinggi.
2. Memperkukuh pembangunan perniagaan tempatan bagi meningkatkan produktiviti, daya saing dan penyertaan dalam rantai nilai industri.
3. Menyediakan infrastruktur industri yang kondusif melalui kemudahan asas, utiliti dan ekosistem perniagaan yang cekap bagi menyokong pertumbuhan pelaburan.
4. Menggalakkan aktiviti berorientasikan eksport dan penggantian import bagi memperluas akses pasaran, meningkatkan nilai eksport serta mengurangkan kebergantungan kepada import.
5. Memudahkan pelaburan dan memperkukuh persekitaran perniagaan, termasuk menambahbaik proses permohonan dan memperkasa kecekapan tadbir urus kerajaan.

No. Soalan: PL232

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan, dengan mengambil kira tindakan kawal selia di Singapura dan Hong Kong terhadap *etomidate* serta bahan analognya, untuk memperkukuh pencegahan dan kerjasama antara agensi dalam membanteras pengimportan dan pengedaran rokok elektronik yang mengandungi bahan psikoaktif.

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan memandang serius trend penggunaan rokok elektronik yang mengandungi bahan psikoaktif seperti *etomidate* dan bahan-bahan terlarang yang lain kerana ia boleh mendatangkan risiko kesihatan yang serius kepada pengguna.

Kerajaan mengambil pendekatan *whole-of-government* melalui kerjasama rapat antara:

- Kementerian Kesihatan;
- Biro Kawalan Narkotik;
- Pasukan Polis Diraja Brunei;
- Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; dan
- agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan,

bagi membanteras pengimportan, pengedaran dan penyalahgunaan produk berkenaan.

Kerjasama ini merangkumi:

- perkongsian risikan dan maklumat;
- operasi penguatkuasaan secara bersepadu;
- pemantauan di pintu-pintu masuk negara;
- siasatan terhadap rangkaian pengedaran; dan
- tindakan terhadap pihak yang melanggar undang-undang.

Kementerian Kesihatan turut bekerjasama dengan Biro Kawalan Narkotik dalam mengenal pasti trend bahan-bahan baharu yang disalahgunakan, termasuk bahan analog yang digunakan dalam rokok elektronik, supaya langkah kawal selia dan penguatkuasaan dapat diperkukuhkan mengikut perkembangan semasa.

Biro Kawalan Narkotik (BKN) mula merekodkan rampasan cecair vape yang dipercayai mengandungi bahan psikoaktif pada tahun 2024. Sehingga kini 2 individu telah ditahan melalui operasi dan pemeriksaan di pos-pos kawalan negara dan sebanyak 115 botol cecair vape yang dipercayai mengandungi bahan psikoaktif telah dirampas.

Pada tahun 2024 juga, Jabatan Perkhidmatan Saintifik (DSS), Kementerian Kesihatan, telah mengesan empat bahan psikoaktif baharu melalui analisis ke atas sampel cecair vape yang dirampas oleh BKN, iaitu:

- Dipentylone (*Synthetic Cathinone*);
- Etizolam (*Benzodiazepine Analog*);
- Fluoroamphetamine (*Amphetamine*); dan
- MDMB-4en-PINACA (*Synthetic Cannabinoid*).

Penemuan ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan vape kini melibatkan bahan psikoaktif baharu (*new psychoactive substances*) yang sentiasa berubah dan menjadi cabaran kepada agensi penguatkuasaan di seluruh dunia.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan bahan psikoaktif baharu (*new psychoactive substances*) di Negara Brunei Darussalam. Sekiranya dikenal pasti terdapat bahan-bahan baharu yang menimbulkan risiko kepada kesihatan awam dan keselamatan negara, Kementerian Kesihatan, bersama agensi-agensi berkaitan, akan menilai dan mengkaji keperluan untuk mengemas kini senarai bahan terkawal serta peruntukan undang-undang yang berkaitan. Pendekatan ini adalah penting bagi memastikan kerangka perundangan negara kekal relevan, responsif dan berkesan dalam membendung ancaman penyalahgunaan bahan psikoaktif yang sentiasa berkembang.

Dari sudut kesihatan awam, Kementerian terus mempertingkatkan usaha pendidikan dan kesedaran mengenai bahaya penggunaan vape yang mengandungi bahan psikoaktif melalui:

- sekolah;
- institusi pendidikan;
- media massa;
- media sosial; dan
- penglibatan komuniti.

Bagi golongan remaja dan belia, pendekatan pencegahan awal terus diperkukuhkan melalui sesi-sesi kesedaran, nasihat, kaunseling serta rujukan ke Klinik Berhenti Merokok bagi individu yang memerlukan bantuan menghentikan penggunaan produk nikotin.

Kementerian Kesihatan akan terus menilai keperluan memperkukuhkan kerangka kawal selia selaras dengan perkembangan bukti saintifik, trend penyalahgunaan bahan baharu serta amalan terbaik di peringkat antarabangsa, dengan matlamat utama melindungi kesihatan dan keselamatan rakyat.

Kementerian Kesihatan kekal komited untuk memperkukuhkan pendekatan berasaskan pencegahan, kawal selia, penguatkuasaan dan kerjasama antara agensi dalam menangani ancaman vape yang mengandungi bahan psikoaktif.

Melalui kerjasama erat antara agensi penguatkuasaan, pengemaskinian perundangan, pengukuhan keupayaan teknikal serta pendidikan kesihatan kepada masyarakat, Kerajaan akan terus memastikan kesihatan awam dan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara.

No. Soalan: PL204

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada semua pusat rawatan terapi alternatif seperti *electric therapy*, *beauty treatment*, *dental services*, dengan pelbagai dakwaan kesihatan, diwajibkan berdaftar dan dikendalikan pengamal bertauliah, serta apakah langkah kawal selia melindungi pengguna, khususnya warga emas, daripada dakwaan mengelirukan?

JAWAPAN:**Pengawalseliaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan**

Kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di Negara Brunei Darussalam termasuk klinik perubatan, klinik pergigian, perkhidmatan radiologi, makmal klinikal serta perkhidmatan lain yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan adalah dikawal selia mengikut peruntukan undang-undang dan garis panduan yang berkuat kuasa pada masa ini.

Bagi pusat terapi alternatif, rawatan kecantikan (*beauty treatment*) dan perkhidmatan lain yang membuat dakwaan berkaitan manfaat kesihatan, tahap kawal selia adalah bergantung kepada jenis perkhidmatan yang ditawarkan. Sekiranya perkhidmatan yang diberikan melibatkan amalan perubatan atau pergigian, ia hendaklah dikendalikan oleh pengamal yang berkeelayakan dan berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan.

Sebarang individu atau premis yang menjalankan amalan perubatan atau pergigian tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Dalam mengukuhkan lagi pengawalseliaan institusi-institusi kesihatan swasta, Kementerian Kesihatan telah menggubal draf rang undang-undang *Private Healthcare Institutions Order* beserta peraturannya yang telah dihadapkan ke Pejabat Peguam Negara bagi penelitian lanjut. Dengan adanya undang-undang ini nanti, semua institusi kesihatan swasta akan dimandatorikan untuk didaftarkan dan dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pengawalseliaan perkhidmatan pergigian

Bagi perkhidmatan pergigian, rawatan seperti pendakap gigi (*braces*), venir gigi (*veneer*) dan pemutihan gigi (*tooth whitening*) hanya boleh diberikan oleh doktor pergigian yang berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Perubatan Brunei. Semua perkhidmatan pergigian juga hendaklah dijalankan di klinik pergigian yang berdaftar dan dikendalikan oleh doktor pergigian yang berdaftar.

Amalan pergigian yang tidak sah boleh menjejaskan keselamatan pesakit dan boleh menyebabkan kerosakan kekal pada gigi dan gusi. Peralatan yang tidak dibersihkan dengan kaedah pensterilan yang betul juga boleh meningkatkan risiko orang ramai terdedah kepada jangkitan seperti Hepatitis B, Hepatitis C dan Human Immunodeficiency Virus (HIV).

Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Pergigian akan menyiasat sebarang aduan berkaitan amalan pergigian yang tidak sah dan mengambil tindakan yang bersesuaian di bawah peraturan dan perundangan menurut Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi, Penggal 112, Bahagian 25.

Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Perkhidmatan Pergigian juga telah menjalankan pemeriksaan bersama dan tindakan yang sewajarnya telah diambil ke atas dua buah premis Establismen Kecantikan dan Kesihatan yang didapati memiliki dan menawarkan perkhidmatan tooth whitening kepada orang ramai.

Perlindungan pengguna khususnya warga emas

Kementerian Kesihatan memandang serius isu dakwaan kesihatan yang mengelirukan, khususnya yang menyasarkan golongan warga emas dan pengguna yang mudah terdedah. Pemantauan terhadap aduan orang ramai, pemeriksaan ke atas premis berkaitan serta tindakan penguatkuasaan dilaksanakan apabila terdapat pelanggaran undang-undang dan/atau yang mengiklan mahupun membuat "*health claims*".

Pusat Promosi Kesihatan dan perkhidmatan yang relevan termasuk pergigian dan geriatrik sentiasa bekerjasama dengan Pusat Kegiatan Warga Emas di seluruh daerah dan Pertubuhan WARGAMAS melalui Program Kesihatan Warga Emas bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran warga emas mengenai penjagaan dan rawatan kesihatan yang bersesuaian.

Beberapa sesi taklimat turut diadakan bersama ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas dengan kerjasama jabatan dan bahagian serta Pegawai Perubatan di bawah Kementerian Kesihatan bagi memastikan maklumat kesihatan yang diberikan kepada warga emas adalah tepat dalam menangani isu *misinformation*.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus mempertingkatkan usaha penyampaian maklumat kesihatan yang sahih dan berasaskan bukti kepada masyarakat, khususnya warga emas, melalui pelbagai platform komunikasi serta kerjasama bersama agensi dan komuniti, bagi memastikan lebih ramai orang mendapat akses kepada maklumat yang tepat dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwaan kesihatan yang mengelirukan, termasuk yang disebarikan melalui media sosial dan WhatsApp.

Warga emas sentiasa dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan daripada pengamal berdaftar serta melaporkan aktiviti yang mencurigakan kepada Kementerian Kesihatan atau melalui Talian Darussalam 123.

Orang ramai juga diseru supaya sentiasa berwaspada terhadap perkhidmatan pergigian yang dipromosikan melalui media sosial dan mendapatkan nasihat daripada doktor pergigian yang berdaftar sebelum menjalani sebarang prosedur pergigian.

Kementerian Kesihatan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dan perlindungan pengguna dapat dilaksanakan secara bersepadu.

No. Soalan: PL258

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi-strategi baru berimpak tinggi yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan sumbangan empat sektor utama yang lain selain industri hiliran, terutamanya dalam meluaskan asas ekonomi dan hasil negara serta meningkatkan *resilience* dan *inclusiveness*, kerana peningkatan nilai eksport dan sumbangan kepada KDNK sektor bukan minyak dan gas sebahagian besarnya disumbang oleh industri hiliran.

JAWAPAN:

Antara Strategi-strategi baru berimpak tinggi yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan sumbangan empat sektor utama yang lain selain industri hiliran:

1) Pelancongan – Visit Brunei Year (VBY) 2027 dan Regenerative Tourism.

Dengan adanya *VBY 2027* adalah diharapkan untuk menjadi booster bagi perkembangan industri pelancongan. Strategi *VBY 2027* telah pun saya nyatakan di sebelum ini.

Manakala konsep *Regenerative Tourism* ialah:

- (a) Memperkasakan penglibatan masyarakat / komuniti tempatan
- (b) Melibatkan budaya, termasuk budaya 7 puak Brunei & budaya Islam
- (c) Membuat pulih ekosistem alam sekitar.

Dengan pendekatan *Regenerative Tourism* ini pihak Kementerian akan secara aktif engaging komuniti dalam sama-sama terlibat menjayakan program pelancongan dan dengan sendirinya dapat menjana pendapatan & pekerjaan anak kampung

2) Sektor Makanan

- (i) Satu cadangan bagi penubuhan *Brunei-Singapore Agri-Tech Food Zone (ATFZ)* telah diusahakan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia & Kerajaan Singapura bertujuan untuk memperkukuhkan *Food Supply Resilience* dan menarik pelaburan yang bernilai tinggi. Pada Fasa Pertama projek ini akan menumpukan Industri Akuakultur termasuk keseluruhan *whole value chain Aquaculture*.

Status pada masa ini diperingkat *feasibility study* yang dijangka siap pada hujung tahun ini.

- (ii) *Export Drive Initiative* - Sebelum ini, fokus kitani banyak tertumpu kepada mencapai tahap *self-sufficiency*. Bagi memastikan Industri Makanan terus berkembang, buat beberapa tahun ini, pihak Kementerian telah memperkenalkan inisiatif ini. Dengan inisiatif ini, ianya bukan saja menggalakkan sektor ini terus berkembang malah meningkatkan dan mengukuhkan sekuriti makanan. Sebagai contoh, dulu telur ayam telah mencapai 100% sara diri dan dengan *Export Drive Initiative* ini telah dapat meningkatkan sarwa diri kepada 112%. Kita telah jua berjaya mengeksport lebih banyak hasil-hasil pertanian dan perikanan. Antaranya, pelbagai jenis ikan, udang, buah-buahan dan Insya Allah, sayur-sayuran dan juga ayam.

3) Sektor Perkhidmatan (*Manufacturing / Logistic*)

Fokus strategi ini adalah bagi menjadikan Brunei sebagai *hub BIMP-EAGA*. Walaupun konsep ini telah lama ditimbulkan dan diuar-uarkan, Alhamdulillah, sejak tahun lepas telah mula rancak dilaksanakan bersama syarikat-syarikat tempatan yang telah dikenalpasti. Aktiviti *transshipment* di Brunei telah dipergiatkan sejak tahun lepas, dengan adanya kapal dari Brunei mula menghubungkan antara Brunei Darussalam dengan sesetengah kawasan BIMP-EAGA. Sejak Julai 2024 hingga Jun 2027 lebih 2000 TEUs (*Twenty Foot Equivalent*) telah dipindah-alihkan (*transhipped*) di rantau BIMP-EAGA ini.

4) Sektor ICT

Mulai tahun ini penggunaan dan integrasi A.I termasuk *data center* telah mula diperkenalkan secara *pilot trial* di bidang pertanian. Adalah diharapkan integrasi A.I / *data center* akan mula dikembangkan di sektor-sektor industri di negara ini terutama sekali di dalam *promoted sector* / sektor keutamaan. Baru-baru ini satu acara perletakan batu asas bagi penubuhan *A.I Innovation Campus* dan pelancaran *The Pioneering AI-Powered Innovation Initiative* telah dilaksanakan. Adalah diharap dengan penggunaan A.I dalam sektor seperti makanan akan dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing ladang di negara ini.

Inilah antara strategi yang baru yang diharapkan menjadi pemacu kepada pertumbuhan 4 sektor utama yang dapat diterangkan.

No. Soalan: PL261

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan ke arah memanfaatkan dan mengukuhkan keseluruhan rantai nilai perbekalan, terutamanya mengurangkan ketergantungan kepada import serta menjamin sekuriti makanan? Setakat manakah peningkatan kepada pelaburan bagi menjamin kedayatahanan bekalan domestik, misalnya dalam penggunaan teknologi pertanian pintar, kemajuan penyelidikan dan inovasi, pembangunan industri makanan halal, serta peningkatan standard keselamatan dan kualiti makanan.

JAWAPAN:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang meneruskan projek kerjasama dengan Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi melaksanakan kajian berkaitan pertanian regeneratif (*regenerative agriculture*) yang bertujuan untuk meningkatkan kesuburan dan kesihatan tanah bagi penanaman padi. Kajian ini memberi tumpuan kepada amalan pertanian mampan yang dapat memperbaiki struktur tanah, meningkatkan kandungan bahan organik serta mempertingkatkan hasil dan produktiviti secara berterusan.

Pada masa ini, kajian telah memasuki penanaman padi musim yang kedua bagi menilai keberkesanan amalan yang diperkenalkan secara berterusan serta membandingkan perubahan terhadap tahap kesuburan tanah dan keluaran hasil padi berbanding musim sebelumnya.

Hasil dan dapatan kajian ini akan terus dipantau serta dianalisis oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama UNISSA bagi menilai potensi amalan *regenerative agriculture* untuk diperluaskan sebagai salah satu pendekatan dalam meningkatkan kesuburan tanah dan kelestarian pengeluaran padi.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan keseluruhan rantai nilai agrikulturan, khususnya dalam sektor pemprosesan dan nilai tambah. Antaranya termasuk pembangunan produk melalui penyelidikan dan inovasi, pelaksanaan program *Nutrition Information Panel* (NIP), projek perintis ujian jangka hayat (*shelf-life*), program penambahbaikan pembungkusan dan pelabelan, penyediaan tapak industri (*Site Provision*), serta fasilitasi akses pasaran dan eksport melalui misi perdagangan dan padanan perniagaan. Di samping itu, usaha turut dikukuhkan melalui kerjasama strategik bersama institusi penyelidikan, agensi kerajaan dan sektor swasta bagi meningkatkan daya saing industri agrikulturan tempatan serta menyokong sekuriti makanan negara.

Pihak Jabatan juga berusaha untuk mempertingkatkan standard keselamatan dan kualiti makanan melalui pengukuhan pematuhan kepada amalan pengilangan yang baik (GMP), *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP), pensijilan Halal, serta keperluan pelabelan makanan. Di samping itu, usaha turut diperkukuhkan melalui pembangunan kapasiti industri, khidmat bimbingan teknikal dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa bagi memastikan produk tempatan memenuhi keperluan pasaran domestik dan eksport.

Kementerian ini juga memberi tumpuan kepada usaha memanfaatkan dan mengukuhkan keseluruhan rantai nilai perbekalan dengan matlamat mengurangkan kebergantungan kepada import serta meningkatkan daya tahan bekalan domestik, dengan menggalakkan pengusaha untuk mengoperasikan aktiviti akuakultur di seluruh rantai nilai keluaran yang mengandungi penetasan dan semaian ikan, ternakan ikan, pemprosesan dan pemasaran, termasuk penghasilan makanan ikan.

Beberapa langkah telah diusahakan dalam meningkatkan hasil keluaran sektor perikanan seperti pembukaan tapak-tapak baharu bagi industri akuakultur, pelaksanaan program pemulihan ternakan udang laut (*Shrimp Recovery Programme*) bagi mengurangkan risiko penyakit udang, serta menggalakkan ternakan spesies tambahan yang bernilai tinggi.

Pelaburan dalam teknologi perikanan pintar turut dipertingkatkan melalui penggunaan sistem *Recirculating Aquaculture System* dan kolam tangki dengan rawatan air bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran. Selain itu, Kementerian ini melalui salah satu pelabur langsung asing di bawah sektor perikanan juga akan mengadakan kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, dalam penghasilan vaksin bagi mengatasi penyakit ikan ternakan.

Dari segi penyelidikan dan inovasi, Kementerian ini melalui Jabatan Perikanan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi penggunaan *Internet of Things* (IoT) dalam pemberian makanan ikan secara automatik yang mana dapat mengurangkan pembaziran dan menyumbang kepada penjimatan kos perbelanjaan operasi syarikat.

Selain itu, IoT juga digunakan dalam pemantauan kualiti air dalam kolam ternakan yang mana dapat dilaksanakan secara jarak jauh, dimana sebarang perubahan kualiti air dapat dikenalpasti secara serta merta untuk tindakan segera.

Dalam penyediaan rantai sejuk, Muara International Fish Landing Sdn Bhd sedang menaiktaraf fasiliti sejuk beku bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan bahan mentah berasaskan makanan laut untuk menampung peningkatan hasil keluaran daripada industri penangkapan ikan dan akuakultur dalam memastikan kualiti produk perikanan adalah terjamin. Jabatan Perikanan juga telah membangunkan *Brunei Standard for Frozen Finfish* untuk rujukan pihak syarikat dalam penghasilan produk beku yang dijamin selamat.

Peningkatan standard keselamatan dan kualiti makanan dilaksanakan melalui pensijilan Amalan Akuakultur Baik (BGAqP) dan pelaksanaan *National Residue Monitoring Program* dalam meningkatkan kebolehkesanan (*traceability*) dan keyakinan kepada pengguna. Jabatan Perikanan juga dalam proses bagi mendapatkan akreditasi ISO 17025 bagi makmal di Pusat Perkhidmatan Kesihatan Haiwan Akuatik untuk meningkatkan keyakinan negara pengimport ke atas produk perikanan tempatan.

Kementerian ini bukan sahaja menekankan pengurangan kebergantungan kepada import, tetapi juga meningkatkan pelaburan dalam teknologi pintar, penyelidikan dan inovasi, serta standard keselamatan dan kualiti makanan. Kesemua langkah ini saling melengkapi dalam menjamin sekuriti makanan dan memperkukuh daya tahan bekalan domestik, di samping meningkatkan akses pasaran eksport.

No. Soalan: PL199

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam menangani isu kesuburan dan kesihatan reproduktif pasangan muda yang semakin mendapat perhatian, termasuk dari segi kesedaran awal, pemeriksaan kesihatan dan akses kepada rawatan yang bersesuaian?

JAWAPAN:

Isu kesuburan dan kadar kelahiran merupakan satu cabaran yang bukan sahaja melibatkan aspek kesihatan, malah mempunyai implikasi terhadap pembangunan sosial, ekonomi dan demografi negara. Justeru, pendekatan yang diambil memerlukan kerjasama *whole-of-government* dan *whole-of-nation* bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong pembentukan keluarga serta kesejahteraan masyarakat.

Dalam konteks ini, Kementerian Kesihatan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan kesedaran awal, pemeriksaan dan penilaian kesihatan reproduktif, serta akses kepada perkhidmatan kesuburan dan penjagaan pra-kehamilan.

Kesihatan Reproduksi dan Perkhidmatan Kesuburan Kesedaran Awal

Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama, melaksanakan pendidikan kesihatan reproduktif melalui Kursus Pra-Nikah. Program ini memberi penekanan kepada kesihatan reproduktif, persediaan kehamilan yang sihat, pengambilan asid folik dan amalan gaya hidup sihat. Program ini menjangkau kira-kira 3,600 peserta setiap tahun.

Pemeriksaan dan penilaian kesihatan

Bakal pasangan digalakkan menjalani pemeriksaan kesihatan serta mendapatkan nasihat pra-kehamilan sebelum memulakan alam berkeluarga. Pasangan yang menghadapi kesukaran mendapatkan zuriat, sekurang-kurangnya setelah dua tahun berkahwin, akan dirujuk kepada Pakar Obstetrik dan Ginekologi (O&G) untuk penilaian dan pengurusan lanjut.

Perkhidmatan kesuburan

Kementerian Kesihatan menyediakan pelbagai perkhidmatan siasatan kesuburan dalam sistem kesihatan awam, antaranya ujian hormon melalui ujian darah, analisis semen, *Hysterosalpingography* (HSG) dan laparoskopi serta *dye test* apabila diperlukan.

Dari segi rawatan, Kementerian menyediakan penilaian, siasatan dan pengurusan klinikal yang bersesuaian, manakala kes yang memerlukan rawatan khusus akan diberikan nasihat serta rujukan lanjut.

Permintaan terhadap perkhidmatan kesuburan semakin meningkat

Peningkatan penggunaan perkhidmatan menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap isu kesihatan reproduktif semakin bertambah. Bilangan prosedur *Hysterosalpingography* (HSG) meningkat daripada 47 kes pada tahun 2022 kepada 226 kes pada tahun 2024. Bilangan analisis semen turut meningkat daripada 218 kes pada tahun 2022 kepada 421 kes pada tahun 2024. Akses kepada perkhidmatan *In Vitro Fertilisation* (IVF) terus diperkukuh bagi memastikan pasangan yang menghadapi masalah kesuburan berpeluang mendapatkan rawatan yang berkualiti, selaras dengan usaha mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif negara.

Trend kadar kesuburan negara

Penurunan kadar kesuburan dan kelahiran merupakan trend yang sedang diberi perhatian. *Total Fertility Rate* (TFR) menurun daripada 1.9 pada tahun 2021 kepada 1.5 pada tahun 2024 dan 2025. *Crude Birth Rate* (CBR) turut menurun daripada 15.3 pada tahun 2021 kepada 11.8 pada tahun 2024 dan 2025. Pengalaman antarabangsa menunjukkan bahawa tiada satu langkah tunggal yang dapat menangani isu ini, sebaliknya memerlukan pendekatan yang menyeluruh serta sokongan berterusan kepada institusi keluarga. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif menyokong keluarga, termasuk penyediaan akaun deposit bagi anak damit yang baru lahir.

Ke hadapan

Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuhkan kesedaran mengenai kesihatan reproduktif, pemeriksaan dan penilaian kesuburan, penjagaan pra-kehamilan dan kesihatan ibu dan anak.

Matlamat Kementerian bukan sahaja membantu pasangan mendapatkan zuriat, malah memastikan setiap pasangan mempunyai akses kepada maklumat, penilaian dan rawatan yang bersesuaian bagi meningkatkan peluang kehamilan yang sihat serta kesejahteraan ibu, anak dan keluarga.

Kementerian Kesihatan akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan rakan strategik bagi memperkukuhkan kesihatan reproduktif serta menyokong usaha meningkatkan kesejahteraan keluarga di Negara Brunei Darussalam.

Melalui pendekatan yang menyeluruh, berasaskan bukti dan berfokus kepada rakyat, kita berharap dapat mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk pembentukan keluarga yang sihat, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PL174

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:**YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM**

meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan dasar kebangsaan yang mewajibkan penentuan, pengesahan dan perekodan kumpulan darah bagi setiap warganegara, serta memastikan rekod tersebut dapat diakses dengan cepat, selamat dan berintegriti apabila diperlukan, termasuk melalui integrasi dengan Kad Pengenalan Pintar?

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan mengiktiraf maklumat kumpulan darah sebagai maklumat klinikal yang penting, khususnya dalam kecemasan perubatan, transfusi darah dan rawatan susulan pesakit.

Amalan Penentuan dan Perekodan Kumpulan Darah

Penentuan kumpulan darah dilaksanakan berdasarkan keperluan klinikal dan selaras dengan prosedur serta garis panduan Kementerian Kesihatan, seperti bagi pendermaan darah, transfusi darah, penjagaan antenatal, pembedahan tertentu serta tujuan diagnosis dan rawatan.

Keputusan ujian direkodkan dalam Bru-HIMS dan hanya boleh diakses oleh petugas kesihatan yang diberi kuasa.

Walau bagaimanapun, ujian pengesahan tetap dijalankan sebelum setiap transfusi darah bagi memastikan keselamatan pesakit, selaras dengan piawaian keselamatan transfusi antarabangsa.

Akses Rekod Melalui Sistem Kesihatan Digital

Maklumat kumpulan darah yang direkodkan dalam BruHIMS turut dipaparkan melalui aplikasi BruHealth, membolehkan orang ramai mengakses maklumat tersebut dengan mudah, selamat dan pada bila-bila masa.

Integrasi dengan Kad Pengenalan Pintar

Integrasi maklumat kumpulan darah dengan Kad Pengenalan Pintar adalah boleh dilaksanakan dari segi teknikal, namun memerlukan penelitian lanjut bersama agensi-agensi berkaitan, termasuk aspek tadbir urus data, keselamatan maklumat dan pelaksanaan sebelum sebarang keputusan dibuat.

Kementerian Kesihatan akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan untuk memperkukuhkan sistem rekod kesihatan digital serta memastikan akses yang selamat dan efisien kepada maklumat kesihatan rakyat dan penduduk negara.

Melalui pendekatan berasaskan keperluan klinikal, bukti saintifik dan keselamatan pesakit, kita berharap dapat memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan yang cekap dan selamat, seterusnya menyumbang kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PL250

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan bagi memperkukuhkan keselamatan ekonomi, keselamatan tenaga dan keselamatan makanan sebagai sebahagian daripada agenda keselamatan negara?

JAWAPAN:

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi Bin Haji Mohd Yussof, Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, satu Komiti Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah dan Perkembangan Semasa (KK-MKKTTPS) telah ditubuhkan di mana ianya berfungsi sebagai platform kebangsaan bagi menangani sebarang krisis atau kejutan luar (*external shocks*) yang berpotensi menjejaskan daya tahan (*resilience*) dan keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh ketiga-tiga Menteri Penyelaras.

Dalam usaha memperkukuhkan keselamatan ekonomi negara, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan daya tahan ekonomi terhadap ketidaktentuan global, mengurangkan kebergantungan kepada sektor tertentu, serta memperkukuh asas ekonomi yang lebih pelbagai dan mampan.

Antara langkah-langkah utama ialah:

- Mempercepatkan kepelbagaian ekonomi dengan terus menilai dan meneroka peluang baharu berdasarkan perkembangan ekonomi global, di samping memfokuskan kepada lima (5) sektor keutamaan;
- Menarik pelaburan langsung asing (FDI) bernilai tambah tinggi yang memacu pemindahan teknologi, inovasi dan pekerjaan berkemahiran tinggi;
- Memperkukuh pembangunan perusahaan tempatan bagi meningkatkan produktiviti, daya saing dan penyertaan dalam rantai nilai global;
- Menyediakan infrastruktur industri yang kondusif melalui kemudahan asas, utiliti dan ekosistem perniagaan yang cekap;
- Menggalakkan aktiviti berorientasikan eksport dan penggantian import bagi mengurangkan kebergantungan kepada import serta memperkukuh daya tahan rantai bekalan; dan

- Memudah cara pelaburan dan memperkukuh persekitaran perniagaan melalui penambahbaikan proses, pengurangan beban kawal selia dan tadbir urus yang lebih cekap.

Kerajaan bukan sahaja bertujuan mempelbagaikan ekonomi, tetapi turut membangunkan keupayaan strategik negara dalam sektor-sektor kritikal seperti makanan, tenaga, logistik dan teknologi bagi meningkatkan daya tahan negara terhadap gangguan luaran. Sehubungan itu, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) akan terus memudah cara pelaburan strategik dalam sektor agri-makanan, logistik, pembuatan bernilai tinggi dan ekonomi digital bagi memperkukuh keupayaan domestik, mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan daya tahan negara terhadap kejutan luar.

Bagi keselamatan tenaga, Kerajaan akan terus memperkukuh kebolehpercayaan bekalan tenaga melalui pembangunan infrastruktur tenaga, meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga, memperluaskan penggunaan tenaga boleh diperbaharui serta memastikan bekalan gas yang mampan bagi memenuhi keperluan domestik dan menyokong pembangunan ekonomi negara.

Seterusnya mengenai keselamatan makanan, Kementerian akan terus memperkukuh pengeluaran makanan tempatan melalui pembangunan sektor makanan sebagai salah satu sektor keutamaan negara. Di samping meningkatkan produktiviti dan penggunaan teknologi moden, Kementerian turut menggalakkan pelaburan strategik dalam keseluruhan rantai nilai makanan, termasuk aktiviti pengeluaran, pemprosesan, logistik, penyimpanan dan pengedaran makanan. Pendekatan ini bertujuan memperkukuh rantai bekalan domestik, mengurangkan kerentanan terhadap gangguan bekalan import bagi komoditi yang bersesuaian serta meningkatkan daya tahan bekalan makanan negara.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini mencerminkan komitmen Kementerian yang berterusan untuk membina sebuah ekonomi yang lebih pelbagai, berdaya tahan dan mampan, di samping memperkukuh keselamatan tenaga dan makanan sebagai asas kepada kesejahteraan rakyat serta ketahanan Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi cabaran ekonomi, geopolitik dan perubahan iklim.

No. Soalan: PL316**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN
BIN HAJI NASIR****TARIKH : 05.08.2026 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI NASIR meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kadar pertumbuhan penduduk semasa memenuhi sasaran pembangunan negara, dan apakah strategi kerajaan untuk memastikan pertumbuhan penduduk selaras dengan keperluan pembangunan dan menyokong pembangunan ekonomi negara?

JAWAPAN:

Berdasarkan Anggaran Penduduk 2025 dan unjuran Jabatan Perangkaan, jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam dijangka meningkat daripada 458,600 orang pada tahun 2025 kepada 511,100 orang menjelang tahun 2035, dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.1 peratus. Dalam tempoh tersebut, jumlah penduduk diunjurkan bertambah seramai 52,500 orang. Dari segi tenaga kerja, penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15–64 tahun) juga diunjurkan meningkat daripada 331,500 orang kepada 359,500 orang menjelang tahun 2035. Peningkatan ini dijangka dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara melalui pertambahan tenaga kerja yang produktif serta memenuhi keperluan pembangunan pelbagai sektor ekonomi.

Bagi memastikan pertumbuhan penduduk dalam kumpulan umur bekerja dapat menyokong pembangunan ekonomi negara, Kerajaan akan terus memperkukuh pembangunan modal insan dengan memastikan tenaga kerja memiliki kemahiran yang memenuhi permintaan industri semasa dan masa hadapan. Di samping itu, pembangunan sektor-sektor strategik akan dipercepat serta pelaburan langsung asing (*FDI*) yang berkualiti akan terus diperkasa bagi mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan bernilai tambah. Usaha ini dijangka meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh, memperluas peluang pekerjaan yang bermakna, serta memperkukuh produktiviti dan kapasiti ekonomi negara ke arah mencapai sasaran KDNK sebanyak BND30.9 bilion menjelang tahun 2035 negara ke arah mencapai sasaran pertumbuhan KDNK sebanyak 4 peratus secara purata menjelang tahun 2035.

No. Soalan: PL259

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif-inisiatif baru yang akan dilaksanakan bagi mempercepat perkembangan PMKS, khususnya dalam merealisasikan usaha, meningkatkan keupayaan, dan mempelbagaikan pasaran bagi memastikan pertumbuhan PMKS yang mampan dan berdayatahan dalam jangka panjang? apakah terdapat kesan positif dari pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut, terutama ke arah membesarkan lagi '*economic pie*' serta pembukaan peluang pekerjaan baru.

JAWAPAN:

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) terus memperkukuh pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui program dan bentuk sokongan yang mengambil kira tahap perkembangan, potensi pertumbuhan serta keperluan pasaran setiap perusahaan.

Dalam hubungan ini, BEDB turut memperkukuh kolaborasi dengan dewan-dewan dan persatuan-persatuan perniagaan bagi memahami keperluan industri, memperluas jaringan perniagaan serta meningkatkan akses PMKS tempatan kepada maklumat, peluang pasaran dan kerjasama strategik.

Antara inisiatif baharu dan penambahbaikan yang sedang dilaksanakan atau dirancang ialah:

- *Tech Enablement Programme*: Membantu PMKS tempatan mengadaptasi penyelesaian digital secara bersubsidi bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan pengurusan perniagaan. Sejak dilancarkan pada Mei 2025, sebanyak 66 syarikat telah berdaftar dan 48 telah menggunakan program tersebut.
- *Growth Facilitation Fund*: Menyokong syarikat di bawah program *Elevate* untuk melaksanakan strategi pertumbuhan berimpak tinggi seperti penggunaan teknologi dan mesin, penjenamaan, penyelidikan dan pembangunan, pengantarabangsaan serta khidmat pakar. Pembiayaan boleh diberikan sehingga 60 peratus daripada kos yang layak, dengan jumlah maksimum BND100,000 bagi setiap syarikat.

- *Startup Catalyst Fund*: Menyediakan pelaburan padanan bersama firma venture capital serantau kepada startup atau PMKS tempatan yang berpotensi tinggi yang ingin menembusi pasaran luar negara, di samping membuka akses kepada kepakaran, rangkaian dan pasaran serantau.
- *Angel Investing Network*: Menghubungkan PMKS dan startup tempatan dengan pelabur yang boleh menawarkan modal, pengalaman dan bimbingan perniagaan.
- *Product Development dan Market Entry*: Membantu PMKS tempatan meningkatkan kualiti produk, pembungkusan, pelabelan dan pematuhan sebelum melaksanakan market trial dan memasuki pasaran sasaran.
- Pengukuhan ekosistem *Startup* dan iCentre: Memperkukuh program inkubasi melalui kerjasama dengan ecosystem enablers tempatan dan serantau bagi membantu startup membangunkan produk, mendapatkan pelanggan dan menarik pelaburan.

Kesan positif yang disasarkan melalui inisiatif-inisiatif ini ialah peningkatan produktiviti dan hasil jualan, peluasan pasaran dan eksport, penggantian import, peningkatan pelaburan dalam syarikat tempatan serta pembukaan peluang pekerjaan baharu. Secara keseluruhan, perkembangan ini diharap dapat memperluas aktiviti ekonomi serta memperkukuh pertumbuhan dan daya tahan PMKS tempatan dalam jangka panjang.

No. Soalan: PL281

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah kerajaan memastikan ekosistem sokongan kepada SME benar-benar meningkatkan produktiviti, inovasi dan daya saing perusahaan tempatan sehingga mampu berkembang ke pasaran serantau dan antarabangsa, mengambil kira pelbagai inisiatif telah diperkenalkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini?

JAWAPAN:

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) menyediakan sokongan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan mengikut tahap perkembangan dan keperluan perniagaan, bermula daripada pembinaan asas keusahawanan dan penubuhan perniagaan, sehingga peningkatan skala, pendigitalan, pensijilan, pembiayaan, penyertaan dalam rantai bekalan serta akses kepada pasaran serantau dan antarabangsa.

Bagi membina asas dan keupayaan perniagaan, program seperti *Industry Business Academy* dan *Micro Bootcamp* menyediakan latihan berkaitan pengurusan dan pembangunan perniagaan. *Accelerate Bootcamp*, Program Inkubasi iCentre dan *Brunei Innovation Lab* pula menyokong pembangunan syarikat pemula serta perusahaan berasaskan teknologi dan inovasi, termasuk dengan menyediakan ruang inkubasi, pembangunan kapasiti dan hubungan dengan pemain industri.

Bagi PMKS tempatan yang telah mempunyai hasil pendapatan dan berpotensi untuk berkembang, Program *Elevate* menyediakan bimbingan bagi meningkatkan prestasi dan skala perniagaan. Sokongan turut diberikan melalui skim pembiayaan dan pelaburan, termasuk Skim *Co-Matching* dan *Growth Facilitation Fund*, tertakluk kepada syarat kelayakan program.

Dari segi peningkatan produktiviti, *Tech Enablement Programme* memudah cara penggunaan penyelesaian digital secara bersubsidi bagi membantu PMKS tempatan meningkatkan kecekapan pengurusan dan operasi perniagaan. Bagi meningkatkan kualiti, pematuhan dan kesiapsiagaan eksport pula, *Standards Consultancy Programme* membantu PMKS tempatan membuat persediaan untuk mendapatkan pensijilan piawaian antarabangsa.

Bagi memperluas akses pasaran, inisiatif seperti *Bruneian Made*, Kontena Park, ekspo perdagangan serta program akses pasaran antarabangsa menyediakan saluran bagi PMKS tempatan menguji, mempromosikan dan menjual produk masing-masing. BEDB turut memudah cara penyertaan perusahaan tempatan dalam ekspo serantau dan antarabangsa serta mengenal pasti produk dan perkhidmatan yang berpotensi untuk dieksport.

Pada masa yang sama, DARE LINKS dan i-Usahawan membuka akses kepada peluang tender, kontrak dan rangkaian bekalan syarikat yang lebih besar. Pendekatan ini membolehkan pembangunan kapasiti perusahaan disokong dengan peluang pasaran dan perolehan yang sebenar.

Pencapaian setakat ini yang telah direkodkan melalui program-program berkenaan ialah:

- 519 perniagaan baharu didaftarkan melalui *Micro Bootcamp* dan 797 peluang pekerjaan, termasuk pekerjaan sendiri (*self-employment*) telah dijana;
- 174 syarikat Startup didaftarkan melalui *Accelerate Bootcamp* dan 869 peluang pekerjaan, termasuk pekerjaan sendiri dijana (*self-employment*);
- 65 syarikat telah memperoleh pensijilan piawaian antarabangsa;
- 40 PMKS tempatan memasarkan lebih 500 produk melalui inisiatif *Bruneian Made*;
- 88 syarikat F&B telah dilahirkan melalui inisiatif Kontena Park dengan hasil jualan keseluruhan sebanyak BND2.5 juta; dan
- 66 syarikat telah berdaftar di bawah *Tech Enablement Programme* program yang dilancarkan pada Mei 2025, dimana 48 syarikat telah mula menggunakan program tersebut.

Pencapaian tersebut menunjukkan perkembangan dari segi penubuhan perniagaan, pewujudan pekerjaan, peningkatan skala perusahaan, pensijilan, pendigitalan dan penjanaaan jualan. Walau bagaimanapun, PMKS tempatan masih menghadapi cabaran seperti keupayaan pengeluaran, kos operasi dan logistik, pematuhan piawaian, penggunaan teknologi serta keupayaan memenuhi permintaan pasaran secara konsisten.

Oleh itu, BEDB akan terus menyesuaikan program berdasarkan tahap perkembangan PMKS tempatan, jurang keupayaan yang dikenal pasti, keperluan industri dan kehendak pasaran. Pendekatan ini bertujuan membantu lebih banyak perusahaan tempatan meningkatkan produktiviti dan inovasi, memperkukuh daya saing serta membina keupayaan untuk berkembang ke pasaran serantau dan antarabangsa.

Bagi sektor agrikulturan, ekosistem sokongan kepada SME adalah dinilai mengambil kira tahap kematangan, kapasiti dan keperluan setiap perusahaan. *Taskforce Agrifood* telah mengkategorikan perusahaan kepada tiga tier:

- *Tier 1* terdiri daripada syarikat yang telah stabil dan lama bertapak dalam industri;
- *Tier 2* melibatkan perusahaan yang mempunyai premis atau tapak operasi serta berpotensi untuk berkembang;
- Manakala, *Tier 3* terdiri daripada perusahaan mikro, *home-based* dan *startup* yang masih di peringkat awal pembangunan.

Memandangkan setiap *tier* mempunyai tahap keupayaan dan cabaran yang berbeza, pendekatan sokongan turut disesuaikan agar lebih berkesan dan mampu mencapai KPI yang ditetapkan. KPI utama bagi:

- *Tier 1* memberi tumpuan kepada penembusan pasaran eksport;
- *Tier 2* kepada meningkatkan kapasiti dan kesediaan/potensi ke arah eksport;
- Manakala, *Tier 3* memberi fokus kepada pembangunan kapasiti serta membantu perusahaan beralih daripada operasi *home-based* kepada premis khusus.

Inisiatif yang disediakan turut disesuaikan mengikut kategori perusahaan:

- Bagi Tier 3, sokongan merangkumi program *product enhancement*, *material input enhancement*, *capacity enhancement*, *certification* dan *local market facilitation* bagi membangunkan kapasiti dan memperkukuh asas perniagaan;
- Bagi Tier 2, tumpuan diberikan kepada program *certification* dan *export market facilitation* bagi meningkatkan kesediaan serta potensi menembusi pasaran eksport;
- Manakala bagi Tier 1, inisiatif difokuskan kepada *export market facilitation* bagi memperluaskan penembusan dan daya saing produk tempatan di pasaran serantau dan antarabangsa.

Melalui pendekatan berperingkat yang dilaksanakan oleh *Taskforce Agrifood*, Alhamdulillah, sejak penubuhannya pada tahun 2022, beberapa pencapaian yang memberangsangkan telah berjaya direkodkan:

- Bagi Tier 1, sebanyak tiga (3) syarikat telah berjaya menembusi pasaran eksport, iaitu PDS Abattoir Sdn Bhd, BMC Food Industries Sdn Bhd dan Ghanim International Corp Sdn Bhd;
- Bagi Tier 2, sebanyak sembilan (9) syarikat telah berjaya menembusi pasaran eksport, iaitu RBC Sdn Bhd, Sabli Food Industries Sdn Bhd, Marimin Sdn Bhd, Mori Farm, Ori Sdn Bhd, Sahamada Corp Sdn Bhd, Taurean Bakeshop, Atoll Agro & Cold Storage Sdn Bhd dan A. Ayam Berjaya (B) Sdn Bhd;

-
- Manakala bagi Tier 3, sebanyak lima (5) perusahaan telah berjaya dipindahkan daripada operasi *home-based* ke *dedicated premises*, iaitu Rizqussalam, M2Victoria Company, Kayu Manis Babu, As Sehha Group dan Dapur Lagenda.bn.

No. Soalan: PL308

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD.
SALLEH BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sasaran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan untuk meningkatkan penyertaan PMKS tempatan dalam rantai bekalan syarikat besar dan projek kerajaan, bagi memastikan lebih banyak peluang ekonomi dan pekerjaan dapat dinikmati oleh rakyat Brunei Darussalam?

JAWAPAN:

Bagi menyokong usaha meningkatkan penyertaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dalam rantai bekalan syarikat-syarikat besar dan projek Kerajaan, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh *In-Country Value (ICV)*. Melalui inisiatif-inisiatif ini, BEDB membantu memperluaskan penyertaan perusahaan tempatan dalam peluang perolehan, memperkukuh pembangunan vendor serta memudahkan cara hubungan perniagaan antara PMKS dengan agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat besar. Usaha ini bertujuan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan, meningkatkan penyertaan perusahaan tempatan dalam rantai bekalan serta menyokong pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan bagi rakyat Brunei Darussalam.

Salah satu inisiatif utama yang menyokong usaha tersebut ialah DARE LINKS, iaitu platform *Business-to-Business (B2B)* yang menghubungkan PMKS tempatan dengan agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat pelaburan langsung asing (FDI), syarikat multinasional (MNC) dan badan-badan berkanun. Platform ini membuka peluang kepada PMKS tempatan untuk membekalkan barangan dan perkhidmatan melalui kontrak atau projek yang dikenal pasti dan diperuntukkan khusus (ring-fenced) bagi perusahaan tempatan.

Bagi memperluas penyertaan perusahaan tempatan, BEDB telah mendapatkan sokongan daripada agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanun dan syarikat FDI untuk:

- memberi keutamaan atau mengkhususkan peluang kontrak tertentu yang sesuai dilaksanakan oleh perusahaan tempatan;

- menggunakan platform DARE LINKS bagi mempromosikan peluang perolehan kepada perusahaan tempatan; dan
- mengongsikan maklumat kontrak, termasuk nilai kontrak, bagi membantu pengumpulan dan analisis data, mengenal pasti jurang keupayaan vendor serta menilai keberkesanan program sokongan yang dilaksanakan oleh BEDB.

Melalui inisiatif ini, BEDB telah berjaya memudah cara pelbagai peluang perniagaan melibatkan pembekalan barangan dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat besar. Sebagai contoh, kerjasama dengan Anson International melalui sesi perkongsian peluang perniagaan (*opportunity socialisation*) dan taklimat vendor (*vendor briefing*) telah meningkatkan penyertaan perusahaan tempatan secara ketara dalam peluang-peluang yang ditawarkan.

Pada masa ini, seramai 687 PMKS telah berdaftar di bawah platform DARE LINKS dan aktif menyertai peluang perolehan yang diiklankan oleh 29 syarikat daripada pelbagai sektor. Setakat ini usaha ini telah menghasilkan 174 penganugerahan kontrak kepada perusahaan tempatan dengan jumlah nilai kontrak yang dilaporkan mencecah kira-kira BND5.3 juta

Di samping itu, BEDB turut melaksanakan program i-Usahawan, iaitu program pembangunan keusahawanan belia yang menyediakan peluang kepada usahawan tempatan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan melalui kontrak-kontrak *ring-fenced* yang ditawarkan oleh agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanun dan organisasi korporat. Program ini turut menyediakan latihan, bimbingan (*mentorship*) serta sokongan pembangunan vendor bagi membantu peserta membina keupayaan dan rekod prestasi untuk bersaing mendapatkan peluang perolehan yang lebih besar pada masa hadapan.

Selaras dengan usaha memperkukuh penyertaan perusahaan tempatan dalam rantai bekalan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan pada masa ini sedang menyediakan cadangan bagi Local Business Development inisiatif bagi sektor bukan minyak dan gas bagi memastikan peluang-peluang perolehan dan perdagangan dapat dinikmati oleh PMKS tempatan.

Usaha ini turut diperkukuh melalui *Enterprise Growth Connect (EGC)*, iaitu salah satu acara tahunan anjuran BEDB yang menyediakan platform *Business-to-Business (B2B)* bagi mempertemukan PMKS tempatan dengan agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat besar, termasuk syarikat berkaitan Kerajaan, syarikat FDI, syarikat multinasional (MNC) dan badan berkanun.

Melalui perkongsian maklumat mengenai peluang perolehan dan keperluan industri, sesi khidmat nasihat, pepadanan perniagaan (*business matching*) serta rangkaian kerjasama, *EGC* bertujuan meningkatkan kesiapsiagaan perusahaan tempatan, memperluas penyertaan PMKS tempatan dalam rantai bekalan domestik serta memperkukuh *In-Country Value*, merencanakan pertumbuhan sektor swasta dan menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara.

Sebagai contoh, hasil sesi perkongsian peluang perolehan oleh Royal Brunei Airlines (RB) semasa *EGC* serta susulan fasilitasi dari BEDB, beberapa perusahaan tempatan telah berjaya dipadankan dengan RB bagi memenuhi keperluan pembekalan produk dan penyediaan perkhidmatan. Kejayaan ini menunjukkan keberkesanan *EGC* sebagai platform yang menghubungkan perusahaan tempatan dengan peluang perniagaan yang nyata serta membantu meningkatkan penyertaan vendor tempatan dalam rantai bekalan syarikat-syarikat utama.

No. Soalan: PL260

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan isu-isu kritikal yang dibangkitkan oleh PMKS dalam forum atau *engagement* BEDB serta apakah *way-forward* yang diusahakan oleh BEDB dalam membantu meringankan pengusaha-pengusaha ini dalam menangani masalah mereka, terutamanya dalam memudahkan aktiviti perniagaan; akses kepada kemudahan kewangan serta memperbaiki *business environment* supaya lebih kondusif, berdaya saing, dan berdaya tahan?

JAWAPAN:

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) memperkukuh ekosistem perniagaan melalui kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan, termasuk dewan-dewan dan persatuan-persatuan perniagaan.

Melalui *MSME Roundtable Series*, *BEDB Engagement Series* dan sesi-sesi dialog, BEDB menghimpunkan komuniti perniagaan dan agensi-agensi Kerajaan bagi memahami cabaran yang dihadapi oleh PMKS serta menjelaskan proses dan perkhidmatan Kerajaan.

BEDB turut bekerjasama dengan Jabatan Daerah Belait dan *Belait District Business Community (BDBC)* bagi menyokong perkembangan aktiviti perekonomian di Daerah Belait.

Meja Bantuan Perniagaan BEDB (*BEDB Business Helpdesk*) pula berfungsi sebagai saluran rujukan bagi para pengusaha dan orang ramai untuk mengemukakan pertanyaan serta mendapatkan panduan berkaitan proses dan ekosistem perniagaan.

Antara isu kritikal yang dikenal pasti ialah proses pengawalseliaan dan kelulusan yang kurang jelas atau mengambil masa, kesukaran mendapatkan pembiayaan, kekurangan tenaga kerja mahir dan keupayaan perniagaan, kos operasi dan logistik yang tinggi, akses pasaran yang terhad serta keterbatasan kapasiti PMKS tempatan untuk memenuhi keperluan kontrak dan rantai pembekalan.

Bagi menangani isu-isu tersebut, BEDB akan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha berikut:

- memperkukuh pemudahcaraan perniagaan melalui BEDB Business Helpdesk, sesi dialog dan rujukan kepada agensi-agensi berkaitan;
- memperluas akses kepada pembiayaan melalui *Skim Co-Matching*, *Growth Facilitation Fund*, *Angel Investing Network*, *Startup Catalyst Fund* serta kerjasama dengan institusi perbankan;
- meningkatkan kapasiti dan produktiviti PMKS tempatan melalui latihan, bimbingan, penerapan teknologi dan sokongan pensijilan;
- memperluas akses pasaran (*market access*) melalui Bruneian Made, Kontena Park, Brunei MSME Festival, ekspo, pepadanan perniagaan (*business matching*) dan sokongan kesiapsiagaan eksport; dan
- meningkatkan penyertaan PMKS tempatan dalam rantai pembekalan melalui DARE LINKS, i-Usahawan dan kerjasama dengan syarikat-syarikat besar.

Usaha ini bertujuan membantu mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, berdaya saing, berdaya tahan dan pro-perniagaan.

No. Soalan: PL252

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN
HAJI HAMDAN

TARIKH : 05.08.2026 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak bazar keusahawanan tempatan terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan usahawan tempatan? Adakah kementerian telah menjalankan kajian mengenai peningkatan pendapatan, peluang pekerjaan dan kelangsungan perniagaan peserta dan apa pelan tindakan bagi memastikan program ini dapat memberi manfaat ekonomi yang mapan kepada negara?

JAWAPAN:

Sebagai salah satu platform utama BEDB dalam memperluas akses pasaran bagi PMKS tempatan, Brunei MSME Festival dianjurkan untuk membantu perusahaan memasarkan dan memperkenalkan produk serta perkhidmatan, menjana hasil jualan, membina rangkaian perniagaan dan meningkatkan kesedaran terhadap keusahawanan tempatan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2019, enam siri Brunei MSME Festival telah mencatatkan sebanyak 1,005 penyertaan, menarik seramai 143,890 pengunjung dan menjana hasil jualan keseluruhan berjumlah BND1,771,578.76. Festival tersebut turut melibatkan seramai 40 pembeli tempatan dan antarabangsa melalui *Hosted Buyer Programme*, di samping sesi pepadanan perniagaan bagi membuka peluang kerjasama komersial dan akses kepada pasaran yang lebih luas.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa bazar dan ekspo keusahawanan memberikan manfaat secara langsung melalui hasil jualan, pendedahan pasaran dan peluang jaringan perniagaan. Walau bagaimanapun, BEDB belum mempunyai kajian khusus dan menyeluruh yang menjejaki ke semua peserta dalam jangka panjang dari segi peningkatan pendapatan, pembukaan peluang pekerjaan dan kelangsungan perniagaan.

BEDB akan terus memperkukuh akses pasaran dan kesiapsiagaan PMKS untuk berkembang melalui Brunei MSME Festival, pepadanan perniagaan, *Hosted Buyer Programme* dan saluran jualan lain, disokong oleh program pembangunan kapasiti, pembiayaan, pensijilan dan fasilitasi eksport.